

# Kuasai Mandarin 28 jam

Pensyarah UMP hasilkan buku Mandarin For All sebagai rujukan pelajar

ERNA YUSNIDA JUSOH

**KUANTAN** - Bagi memudahkan pelajar mempelajari bahasa Mandarin, pensyarah bahasa Mandarin di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Yong Ying Mei, 33, menghasilkan sebuah buku bertajuk Mandarin For All sebagai rujukan pelajar.

Ying Mei berkata, dia mengambil masa selama tiga tahun untuk menghasilkan buku untuk kegunaan pelajar Melayu, India, Orang Asli dan Bajau yang ingin belajar serta lulus ujian kefasihan bahasa Mandarin (HSK) yang kini diiktiraf seluruh dunia.

Menurutnya, bahan rujukan itu mampu membantu pelajar menguasai bahasa Mandarin dalam masa 28 jam sahaja.

"Saya menghasilkan buku ini kerana mahu memberi peluang kepada pelajar bukan Cina menguasai bahasa Mandarin dengan lebih mudah dan cepat.

"Untuk mempercepatkan lagi kefahaman dan kemahiran menyebut perkataan, setiap buku disertakan

dengan sistem yang boleh di akses menggunakan telefon bimbit," katanya ketika ditemui di sini.

Ying Mei berkata, sejak diterbitkan awal tahun ini, buku Mandarin For All siri pertama mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar UMP, termasuk mahasiswa kolej kerajaan dan swasta di negara ini yang menyediakan pengajian bahasa Mandarin.

Katanya, sehingga kini sebanyak 600 naskhah buku terbabit sudah terjual kepada pelajar bahasa Mandarin di UMP yang terdiri daripada pelajar Melayu, India, Orang Asli dan Bajau.

"Saya juga mengajar menggunakan kaedah sama yang terdapat pada buku Mandarin For All, cara itu membolehkan pelajar cepat faham seterusnya boleh bertutur dengan lancar.

"Buku Mandarin For All adalah buku yang keenam dihasilkan sejak bertugas dengan UMP khusus bagi membantu pelajar mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan HSK," katanya.

Ying Mei yang berpengalaman

selama sembilan tahun sebagai pensyarah bahasa Mandarin di UMP berkata bahawa, pelajar UMP yang mencatat keputusan cemerlang peperiksaan HSK berpeluang mendapat biasiswa kerajaan China dan kini terdapat enam pelajar menikmati kemudahan itu.

Sehingga kini, 126 pelajar UMP berjaya lulus HSK melalui buku itu.

Ying Mei pula menerima enam anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun ini dan terbaru anugerah khas dan pingat emas pada Pameran Penyelidikan British Invention Show London bulan lalu.

"Untuk peringkat kebangsaan saya menerima Anugerah Buku Negara (ABN) selain anugerah pada Ekspo Penyelidikan, Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (CITREX) dan Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (IITEX) di UMP," katanya.

Ying Mei berkata, kemahiran bahasa Mandarin memberi peluang kepada graduan UMP diterima bertugas dengan syarikat antarabangsa dari China yang semakin rancak melabur di negara ini.



Ying Mei bersama anugerah yang pernah diterima.